



KENYATAAN MEDIA

**YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**MALAYSIA AKAN MENCALONKAN
TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU ROMPIN (TNJER)
SEBAGAI ASEAN HERITAGE PARK (AHP) YANG KEEMPAT**

12 DISEMBER 2020

Taman Negara Johor Endau Rompin (TNJER) dicalonkan sebagai ASEAN *Heritage Park* (AHP) dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Disember 2020. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang telah bersidang pada 7 Mac 2018 bersetuju pencalonan TNJER sebagai AHP.

Pencalonan AHP ini akan menjadi pengiktirafan AHP yang keempat bagi Malaysia selepas Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu), *Kinabalu National Park* (Sabah) dan *Gunung Mulu National Park* (Sarawak).

AHP merupakan inisiatif di bawah kerjasama serantau untuk menguruskan jaringan kawasan perlindungan (*protected areas*) di rantau ASEAN yang mempunyai keunikan, kepelbagaiannya biologi dan nilai ekologi terpenting. Perkara ini telah dipersetujui oleh negara-negara anggota ASEAN melalui *ASEAN Declaration on Heritage Parks and Reserves 1984* yang ditandatangani oleh negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand pada 29 November 1984.

TNJER dilitupi lebih 90% hutan hujan tropika serta ekosistem yang masih terpelihara dengan hampir keseluruhan kawasan perlindungan dikelilingi oleh rizab hutan simpan. TNJER mengandungi 80 spesies tumbuhan yang diancam secara global yang

tersenarai di bawah *Endangered Species IUCN Red List*. Ini termasuk 38 spesies yang *Critically Endangered* (CR), 16 spesies *Endangered* (EN) dan 26 spesies *Vulnerable* (VU).

TNJER adalah habitat penting bagi pemuliharaan mamalia besar yang terancam terutamanya Harimau Malaya (*Panthera tigris*), Malayan Tapir (*Tapirus indicus*), Beruang Matahari (*Helarctos malayanus*) dan Gajah Asia (*Elephas maximus*).

Pencalonan TNJER sebagai AHP antara lainnya akan meningkatkan imej TNJER sebagai kawasan konservasi penting di negeri Johor dan Taman Negara yang kedua di Semenanjung Malaysia, memperkuat pengurusan TNJER berdasarkan kepada *best management practice* setaraf dengan pengurusan kawasan perlindungan serantau dan antarabangsa serta meningkatkan jaringan hubungan dan kerjasama di antara kawasan perlindungan di dalam dan luar negara.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan mengemukakan dokumen pencalonan TNJER sebagai AHP kepada Sekretariat AHP di Filipina untuk dipertimbangkan oleh kumpulan kerja ASEAN serta kelulusan di peringkat Menteri-Menteri ASEAN pada tahun 2021.

Pencalonan TNJER sebagai AHP mencerminkan kesungguhan Malaysia dalam memelihara dan mengiktiraf kawasan perlindungan sebagai khazanah negara yang tidak ternilai. Saya menyeru supaya semua Kerajaan-kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif untuk mengemukakan pencalonan bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seperti AHP. Pengiktirafan sebegini akan membantu aspek promosi sektor pelancongan tidak hanya di Malaysia dan peringkat ASEAN, malah di persada luar negara.

Namun, sebelum potensi ekopelancongan diterokai secara agresif, pembangunan dan pengurusan kawasan ekopelancongan hendaklah dilaksanakan secara mampan untuk memastikan flora, fauna dan ekosistem sedia ada sentiasa terpelihara. Bagi mencapai hasrat ini, kajian daya tampung (*carrying capacity*) perlu dilaksanakan dan pengusaha-pengusaha ekopelancongan mestilah memastikan had daya tampung dipatuhi.

Usaha ini juga adalah selaras dengan hasrat ASEAN supaya langkah-langkah pemuliharaan perlindungan dilaksanakan bagi mengekalkan proses ekologi dan kepelbagaian genetik, memastikan pemeliharaan biodiversiti dan ekosistem, serta memelihara hutan belantara yang mempunyai nilai tinggi dari aspek budaya, pendidikan, penyelidikan, rekreasi dan ekopelancongan.

**YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

12 Disember 2020